Kiong Ping Moon @ Kong Ping Sen lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO R1–24–41–2005
RAUS SHARIF J
6 DECEMBER 2005

Tahanan Pencegahan — Perintah tahanan — Kesahan — Kelengahan polis melaksanakan waran tangkap dan tahan — Kelengahan kedua di pihak Timbalan Menteri semasa mengeluarkan perintah sekatan di bawah s 2(ii) Akta Kediaman Terhad 1933 — Kelengahan memudaratkan pemohon — Tiada alasan munsabah mengapa kelengahan berlaku — Sama ada perintah tangkapan dan tahanan adalah sah

Pada 24 Disember 2003 Timbalan Menteri Dalam Negeri ('Timbalan Menteri') telah mengeluarkan satu waran tangkap dan tahan terhadap pemohon di bawah s 2(1) Akta Kediaman Terhad 1933 ('Akta tersebut'). Pemohon kemudiannya telah ditangkap pada 30 Mac 2004 dan seterusnya ditahan di Penjara Kepayan, Sabah sehingga 11 Mei 2004. Pada 11 Mei 2004 Timbalan Menteri telah mengeluarkan perintah di bawah ss 2(ii) dan 2 A(i) Akta tersebut yang memerintahkan supaya pemohon dikehendaki tinggal di Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu selama tiga tahun dan juga diletakkan di bawah pengawasan polis.

Pemohon memohon untuk pengisytiharan bahawa tangkapannya pada 30 Mac 2004 oleh pihak polis berdasarkan kepada waran tangkap dan tahan tersebut dan tahanan selanjutnya adalah 'ultra vires' dan tidak sah kerana kelengahan pihak polis dalam melaksanakan waran tangkap dan tahan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri terhadap pemohon. Waran tangkap dan tahan telah dikeluarkan pada 24 Disember 2003 tetapi hanya dilaksanakan terhadap pemohon pada 30 Mac 2004, iaitu melebihi tiga bulan.

Diputuskan, mengisytiharkan perintah tersebut tidak sah:

(1) Alasan pihak polis tentang kelengahan melaksanakan waran tangkap dan tahan terhadap pemohon kerana pemohon telah menghilangkan diri adalah diragui. Sekurang-kurangnya dalam tempoh pilihanraya, pemohon ada kelihatan di khalayak ramai. Beliau turut berkempen bersama dengan orang-orang kenamaan di Labuan. Jadi tanda tanya mengapa waran tangkap dan tahan tidak dilaksanakan dengan secepat mungkin masih tidak terjawab (lihat perenggan 17).

(2) Kelengahan ini dengan sendirinya tidak boleh menjadi sandaran untuk mahkamah ini memihak kepada pemohon. Tetapi di dalam kes ini terdapat pula kelengahan yang kedua iaitu kelengahan di pihak Timbalan Menteri semasa mengeluarkan perintah di bawah s 2(ii) Akta tersebut. Kelengahan

kedua ini memudaratkan pemohon kerana akibat dari kelewatan itu pemohon terpaksa tinggal di penjara, selama lebih kurang 43 hari (lihat perenggan 18). Tidak dijelaskan secara terperinci mengapa perintah tersebut hanya dapat dikeluarkan selepas 43 hari (lihat perenggan 25).

(3) Perlu diingatkan di dalam kes seperti ini di mana tindakan adalah di bawah undang-undang pencegahan dan seseorang itu diambil tindakan tanpa melalui proses undang-undang yang biasa, akan mustahaknya untuk pihak-pihak yang berwajib tidak melengahkan sesuatu tindakan kerana ia melibatkan hak kebebasan individu yang adalah dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan. Seseorang itu tidak seharusnya ditahan melebihi masa yang diperlukan. Jika masa yang lebih diperlukan, pihak-pihak yang berwajib perlu memberi alasan dan sebab-sebab yang munasabah dan terperinci (lihat perenggan 26).

(4) Di dalam kes ini masa yang diambil adalah 43 hari dan alasan-alasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri mengenai kelengahan tersebut adalah terlalu am dan dengan itu gagal menjadikannya sebagai alasan-alasan yang munasabah (lihat perenggan 27). Maka kesahan perintah yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri di bawah ss 2(ii) dan 2 A(i) Akta tersebut tidak dapat dipertahankan. Mahkamah mengisytiharkan perintah tersebut sebagai tidak sah dan dengan itu sekatan pemohon di Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman untuk tempoh tiga tahun adalah batal dan tidak berkuatkuasa (lihat perenggan 28).

[English summary

On 24 December 2003, the Deputy Home Affairs Minister ('Deputy Minister') had taken out a detention and arrest warrant against the applicant under s 2(1) of the Restricted Residence Act 1933 ('the said Act'). The applicant was later caught on 30 March 2004 and later arrested at the Kepayan Jail, Sabah until 11 May 2004. On 11 May 2004, the Deputy Minister had taken out an order under s 2(ii) and 2A(i) of the said Act which ruled that the applicant is required to stay at Kuala Berang, Hulu Terengganu district for three years and to be kept under the supervision of the police.

The applicant applied for a declaration that the arrest on 30 March 2004 by the police based on the said arrest and detention warrant and the consequent detention is 'ultra vires' and not valid due to the delay in the police executing the arrest and detention warrant issued by the Home Minister against the applicant. The arrest and detention warrant was issued on 30 March 2004 which exceeded three months.

Held, declaring the said order invalid:

(1) The police reasoning about the delay in executing the arrest and detention warrant against the applicant because the applicant had disappeared is in doubt. At least in the period of election, the applicant is visible in the eyes of the public. The applicant was campaigning together with the elite group in Labuan. Therefore, the question as to why the arrest and detention warrant was not executed as soon as possible was still unanswered (see para 17).

(2) The delay itself cannot be made a pledge for the court to favour the applicant. But in this case, there was a second delay which was a delay on the part of the Deputy Minister when carrying out the order under s 2 (ii) of the said Act. The second delay dangered the applicant because due to the delay, the applicant would have to remain in jail for at least 43 days (see para 18). It was not explained in detail as to why the said order could only be issued 43 days later (see para 25).

(3) It must be noted that in this case whereby action is under preventive law and the action taken against such a person without going through the ordinary process of law, it is important for parties not to delay the action because it involved the individual's right to freedom as provided under the Federal Constitution. Any person cannot be detained exceeding the time required. If additional time is required, the compulsory parties must provide reasonable and detailed reasons (see para 26).

(4) In this case, the time taken was 43 days and reasons given by the Deputy Minister about the said delay was too general and therefore failed as reasonable reasons (see para 27). Therefore the validity of the order issued by the Deputy Minister under ss 2(ii) and 2A(i) of the said Act was untenable. The court declared such order as invalid and therefore the applicant's detention in Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu for a period of three years was nullified and not enforceable (see para 28).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kesahan perintah tahanan, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 1383–1400.

Kes-kes yang dirujuk

Phua Hing Lai v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Ors [1990] 1 MLJ 173 (dirujuk)

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Liau Nyun Fui [1991] 1 MLJ 350 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Interpretasi 1954
Akta Kediaman Terhad 1933 ss 2(i), (ii), 2A(i)
Akta Tafsiran 1967 s 54(2)
Ordinan Tafsiran dan Klausa-Klausa Am 1948 s 38
Perlembagaan Persekutuan perkara 5(1)

Eddy Kwang (Kwang Lim & Azni) bagi pihak pemohon.

YM Tengku Amir Zaki (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara Malaysia) bagi pihak responden-responden.

Raus Sharif H:

PENGHAKIMAN

[1] Melalui saman pemula bertarikh 8 Jun 2005, pemohon memohon antara lain untuk perintah-perintah berikut:

i) satu pengisytiharan bahawa tangkapan pemohon pada 30 Mac 2004 jam lebih kurang 4.05 petang oleh pihak polis dari unit D7, IPK, Kota Kinabalu, Sabah di pejabat perniagaannya di Labuan Ferry Corporation Sdn Bhd berdasarkan kepada satu waran tangkap dan tahan di bawah s 2(i) Akta Kediaman Terhad 1933 yang ditandatangani dan dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 24–12–2003 adalah 'ultra vires' dan tidak sah kerana ia telah melanggari undang-undang;

ii) satu pengisytiharan bahawa tangkapan pemohon pada 30 Mac 2004 jam lebih kurang 4.05 petang oleh pihak polis dari unit D7, IPK, Kota Kinabalu, Sabah di pejabat perniagaannya di Labuan Ferry Corporation Sdn Bhd dan seterusnya tahanan (detention) pemohon di Penjara Kepayan, Sabah sehingga 11–5–2004 (iaitu selama 43 hari) adalah juga 'ultra vires' dan tidak sah kerana ia telah melanggari perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan;

iii) satu pengisytiharan bahawa perintah yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah ss 2(ii) dan 2A(i) Akta Kediaman Terhad 1933 pada 11 Mei 2004 dan diserahkan kepada pemohon pada hari yang sama adalah tidak sah mengikut undang-undang;

iv) satu pengisytiharan bahawa perintah tersebut bertarikh 11 Mei 2004 adalah batal dan tidak sah kerana peruntukan-peruntukan Akta Kediaman Terhad 1933 dan Akta Interpretasi 1954 tidak diikuti;

v) satu pengisytiharan bahawa sekatan (restriction) pemohon di Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman untuk tempoh tiga (3) tahun adalah batal dan tidak sah kerana ia telah melanggari undang-undang;

vi) satu pengisytiharan bahawa perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri bertarikh 11 Mei 2004 dibatalkan dan diketepikan; dan

vii) kos.

[2] Latar belakang yang membuat pemohon membawa tindakan ini terhadap responden-responden bolehlah diringkaskan seperti berikut.

[3] Pada 24 Disember 2003, Timbalan Menteri Dalam Negeri ('Timbalan Menteri') telah mengeluarkan satu waran tangkap dan tahan dan alasan-alasan tangkapan di bawah s 2(i) Akta Kediaman Terhad 1933 ('Akta tersebut'). Waran tangkap dan tahan tersebut adalah dalam bentuk berikut:

Borang A

MALAYSIA

WARAN TANGKAP DAN TAHAN

Akta Kediaman Terhad 1933

[Seksyen 2(i)]

Kepada Ketua Polis Sabah dan semua Pegawai-Pegawai Polis lain dan kepada Pengarah/Penguasa/Timbalan Penguasa Penjara, Penjara Kepayan, Sabah

BAHAWASANYA pada pendapat saya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 2 Akta Kediaman Terhad, bahawa terdapat beberapa sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu perintah hendaklah dibuat di bawah seksyen 2 (ii) atau 2A (i) Akta tersebut terhadap:

KIONG PING MOON @ KONG PING SEN, NO K/P: 551101-12-5461 yang sekarang tinggal di Lot 34, Taman Karupang Satu, Jalan Karupang, 87007 Labuan, Sabah.

Maka tuan, Pegawai Polis tersebut, adalah dengan ini diarahkan supaya menangkap Kiong Ping Moon @ Kong Ping Sen yang tersebut di mana juga ia dijumpai dan menyerahkannya ke penjara di Penjara Kepayan, Sabah.

Dan tuan, Penguasa Penjara tersebut, adalah dengan ini diarahkan untuk menahan Kiong Ping Moon @ Kong Ping Sen yang tersebut dalam jagaan yang selamat dalam Penjara Sivil sehingga tuan menerima perintah-perintah selanjutnya melalui saya.

Diperbuat di bawah tandatangan saya pada 24 haribulan Disember 2003.

(DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN)

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI

MALAYSIA

[4] Alasan-alasan menangkap pula adalah dalam bentuk seperti berikut:

AKTA KEDIAMAN TERHAD 1933 DAN PERKARA 5 (3)

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

ALASAN-ALASAN MENANGKAP KIONG PING MOON @KONG PING SEN

NO. K/P: 551101-12-5461

Atas maklumat, laporan dan keterangan bertulis yang diperolehi dalam sesuatu siasatan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan berpengalaman dalam membuat penyiasatan dan siasatan mengenai perkara-perkara jenis ini, saya berpuashati bahawa terdapat sebab-sebab bagi mempercayai, dan saya sesungguhnya percaya, bahawa kegiatan-kegiatan kamu di Jupiter 8 Karaoke & Jungle Park Discotheque, Labuan, Sabah tidak mendatangkan faedah kepada keamanan dan ketenteraman awan di situ oleh sebab:

BAHAWA KAMU ADALAH SEORANG PENGANJUR PELACURAN YANG AKTIF DI JUPITER 8 KARAOKE & JUNGLE PARK DISCOTHEQUE, WP LABUAN SEJAK TAHUN 90AN SEHINGGA SEKARANG. KAMU JUGA HIDUP DI ATAS KEGIATAN PELACURAN TERSEBUT.

2. Jika kamu ingin membuat apa-apa rayuan dan pertimbangan saya, kamu boleh berbuat demikian dalam masa empat belas hari selepas menerima alasan-alasan ini.

Bertarikh pada 24 haribulan Disember 2003.

(DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN)

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI

MALAYSIA

[5] Berbekalkan dokumen-dokumen di atas, polis yang diketuai oleh Asisten Superintenden Polis, Normansah bin Din (Normansah) telah pada 30 Mac 2004, jam lebih kurang 4.05 petang menangkap pemohon di pejabat perniagaan pemohon di Labuan Ferry Corporation Sdn Bhd, Wilayah Persekutuan, Labuan. Menurut Normansah, semasa pemohon ditangkap beliau telah menjelas dan menerangkan kepada pemohon sebab-sebab tangkapan sebagaimana dalam kandungan waran tangkap dan tahan serta alasan-alasan menangkap dan kemudiannya menyerahkan kedua-dua dokumen tersebut kepada pemohon.

[6] Pada tarikh yang sama iaitu 30 Mac 2004 jam lebih kurang 6.30 pagi, Normansah bersama anggota pasukannya telah mengeskot pemohon dari Wilayah Persekutuan Labuan ke Penjara Kepayan, Kota Kinabalu di mana pemohon telah ditahan.

[7] Pada 11 Mei 2004, Timbalan Menteri telah mengeluarkan perintah di bawah s 2(ii) dan 2A(i) Akta tersebut yang memerintahkan supaya pemohon dikehendaki tinggal di Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu selama tiga tahun dan juga diletakkan di bawah pengawasan polis. Perintah tersebut adalah dalam bentuk seperti berikut:

BORANG E

PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 2A (i)

AKTA KEDIAMAN TERHAD 1933

Kepada:

Pengarah/Penguasa/Timbalan Penguasa Penjara PENJARA KEPAYAN, SABAH

Ketua Polis TERENGGANU

Lain-lain Pegawai Polis, dan mereka yang berkenaan.

Adalah dengan ini diperintahkan bahawa KIONG PING MOON @ KONG PING SEN..... No. Kad Pengenalan 551101-12-5461 yang sekarang ditahan di Penjara, Kepayan, Sabah hendaklah dibawa ke dalam jagaan polis dan kemudiannya ditempatkan di bawah pengawasan polis bagi tempoh tiga (3) tahun dari tarikh ini, dan semasa di bawah pengawasan tersebut, hendaklah tertakluk kepada sekatan yang dinyatakan di bawah ini, iaitu:

(a) ia adalah dikehendaki tinggal dalam kawasan Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu;

(b) ia tidak dibenarkan menukar tempat tinggalnya ke mana Daerah, Mukim, Bandar atau Pekan, mengikut mana yang berkenaan, tanpa kebenaran secara bertulis dari Ketua Polis Terengganu;

(c) ia tidak boleh meninggalkan Kuala Berang di mana ia tinggal itu tanpa kebenaran secara bertulis dari Ketua Polis Terengganu;

(d) ia hendaklah sentiasa memberitahu di mana rumah atau tempat ia tinggal kepada Ketua Polis Daerah di mana ia tinggal itu;

(e) ia hendaklah hadir di Balai Polis yang hampir sekali dengan tempat tinggalnya pada tiap-tiap hari Isnin dan Khamis bagi tiap-tiap minggu pada tahun pertama, pada hari Isnin bagi tiap-tiap minggu pada tahun kedua, semasa menjalani tempoh pengawasan polis.

Bertarikh pada 11 haribulan Mei 2004.

(DATO' NOH BIN HJ OMAR)

TIMBALAN MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI

MALAYSIA

[8] Bertindak atas perintah tersebut, Cif Inspektor Ho Siew Hoong pada hari yang sama iaitu 11 Mei 2004 telah mengeluarkan pemohon dari Penjara Kepayan, Kota Kinabalu. Pemohon telah terus dieskot oleh Cif Inspektor Ho Siew Hoong bersama sepasukan polis ke Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu. Apabila mereka sampai di sana jam lebih kurang 6.31 petang pemohon telah diserahkan kepada Koperal 108279 Rohimah, Ketua Pejabat Pertanyaan, Balai Polis Kuala Berang, Hulu Terengganu. Seterusnya pihak Balai Polis Kuala Berang telah membebaskan pemohon untuk menjalani perintah sekatan di bawah pengawasan polis seperti yang dinyatakan di dalam perintah tersebut.

[9] Pemohon melalui permohonan ini mempertikaikan tindakan responden-responden. Di dalam permohonannya, pemohon telah membangkitkan berbagai-bagai isu. Ini boleh dilihat di dalam afidavit sokongan pemohon kepada permohonan ini. Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh pemohon ialah:

(i) Tuduhan terhadap beliau adalah kabur dan terlalu am serta tidak dibuat dengan betul mengikut undang-undang dan beliau telah mengalami prejudis;

(ii) Tangkapan di pejabat perniagaannya di Labuan Ferry Corporation Sdn Bhd pada 30 Mac 2004 adalah tidak berasas dan salah di sisi undang-undang;

(iii) Tahan di Penjara Kepayan, Sabah selama lebih kurang 43 hari adalah terlalu lama dan bertentangan dengan undang-undang dan menjadikan perintah tersebut batal dan tidak sah;

(iv) Timbalan Menteri telah gagal mengambilkira fakta-fakta tertentu semasa menandatangani dan mengeluarkan perintah sekatan dan pengawasan tersebut; dan

(v) Pegawai-pegawai polis yang berkenaan telah bertindak sebagai pak turut dengan menghantar laporan kepada Menteri atau Timbalan Menteri tanpa membuat penyiasatan dan penyoalan secara terperinci.

[10] Di antara isu-isu yang ditimbulkan oleh pemohon, isu mengenai kelengahan untuk bertindak oleh pihak-pihak yang berwajib berjaya menarik perhatian saya.

[11] Pertamanya adalah mengenai kelengahan pihak polis dalam melaksanakan waran tangkap dan tahan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri terhadap pemohon. Waran tangkap dan tahan telah dikeluarkan pada 24 Disember 2003 tetapi hanya dilaksanakan terhadap pemohon pada 30 Mac 2004, iaitu melebihi tiga bulan.

[12] Pihak polis dalam penjelasan mengenai kelengahan melaksanakan waran tangkap dan tahan terhadap pemohon telah melalui Cif Inspektor Roziah bt Abdul Rashid menyatakan:

> Tugas saya di situ adalah untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah D7, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah untuk mengesan di mana pemohon berada kerana mengikut maklumat risikan pemohon telah menghilangkan diri sebaik sahaja mengetahui beliau akan diambil tindakan di bawah Akta tersebut.

[13] Pemohon dalam afidavit balasannya bertarikh 2 Oktober 2005 telah menyangkal kenyataan Cif Inspektor Roziah bte Abdul Rashid bahawa beliau telah menghilangkan diri dalam tempoh tersebut. Menurutnya dalam tempoh tersebut, beliau berada di Labuan, tetapi atas sebab perniagaan terpaksa melawat satu tempat ke satu tempat di Labuan untuk berbincang dengan rakan-rakan dan pelanggan berkaitan dengan perniagaannya. Menurutnya lagi, dalam tempoh tersebut, beliau sebagai ahli politik parti MCA Labuan turut terlibat dengan kempen-kempen pilihanraya yang diadakan dalam tempoh tersebut. Pemohon telah mengemukakan gambar-gambar menunjukkan beliau terlibat dalam kempen-kempen pilihanraya tersebut dan oleh itu beliau tidak bersembunyi seperti yang didakwa oleh Cif Inspektor Roziah.

[14] Malah pemohon telah mengemukakan beberapa afidavit dari beberapa tokoh di Labuan untuk menyokong kenyataan pemohon tersebut. Antaranya ialah Datuk Wences Angang, Timbalan Ketua Menteri Sabah, yang menyatakan:

> Sepanjang pengetahuan saya pemohon memang sentiasa berada di Labuan sejak beberapa bulan sebelum pilihanraya pada bulan Mac 2004. Saya sertakan beberapa keping gambar sewaktu kempen dan bertemu pengundi saya di Wilayah Persekutuan Labuan di mana pemohon berada di Wilayah Persekutuan Labuan dan terlibat secara langsung dalam kempen saya dan Barisan Nasional di Wilayah Persekutuan Labuan.

[15] Adalah tidak dinafikan oleh responden-responden bahawa di bidang politik, pemohon ada menyandang jawatan-jawatan seperti berikut:

(a) Ketua Pemuda MCA Bahagian Labuan pada tahun 1999;

(b) Exco Pemuda MCA Wilayah pada tahun 1999;

(c) Naib Pengerusi MCA Bahagian Labuan pada tahun 2003; dan

(d) Penasihat Pemuda MCA Labuan.

[16] Di dalam bidang perniagaan pula, pemohon memiliki beberapa buah syarikat 'multi million corporation' iaitu: A

(a) Labuan Printing Sdn Bhd, yang beroperasi sejak 1990 dengan kelulusan Kementerian Dalam Negeri;

(b) Labuan Ferry Corporation Sdn Bhd yang diwartakan pada 2 April 1995 hingga 2010; dan B

(c) LB Maju Motor (M) Sdn Bhd, ejen penjual motosikal nasional tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan sejak tahun 2000.

[17] Jadi, pada saya alasan pihak polis tentang kelengahan melaksanakan waran tangkap dan tahan terhadap pemohon kerana pemohon telah menghilangkan diri adalah diragui. Sekurang-kurangnya dalam tempoh pilihanraya, pemohon ada kelihatan di khalayak ramai. Beliau turut berkempen bersama dengan orang-orang kenamaan di Labuan. Jadi tanda tanya mengapa waran tangkap dan tahan tidak dilaksanakan dengan secepat mungkin masih tidak terjawab. C D

[18] Kelengahan ini dengan sendirinya tidak boleh menjadi sandaran untuk mahkamah ini memihak kepada pemohon. Tetapi di dalam kes ini terdapat pula kelengahan yang kedua iaitu kelengahan di pihak Timbalan Menteri semasa mengeluarkan perintah di bawah s 2(ii) Akta tersebut. Kelengahan kedua ini memudaratkan pemohon kerana akibat dari kelewatan itu pemohon terpaksa tinggal di penjara, selama lebih kurang 43 hari. E

[19] Akta tersebut sememangnya tidak menentukan tempoh masa sesuatu perintah di bawah s 2(ii) mesti dikeluarkan. Untuk menjadi jelas diperturunkan s 2 Akta tersebut dalam bahasa asal yang berbunyi: F

(i) Whenever it shall appear to the Minister on such written information and after such enquiry as he may deem necessary that there are reasonable grounds for believing that any person should be required to reside in any particular district or mukim or should be prohibited from entering into any particular district or mukim or mukims the Minister may issue an order in one of the Forms in the Schedule for the arrest and detention or, if he is already in prison, for the detention of such person; G

(ii) The Minister thereafter after such further enquiry as he may deem necessary may make an order in the Form in the Schedule that from a date to be stated in the order, the person do reside in such area as may be specified in the order or do not enter into such area or areas as may be specified. H

[20] Jelas, tidak diperuntukkan tempoh masa untuk sesuatu perintah di bawah s 2(ii) Akta tersebut mesti dikeluarkan. Tetapi telah diputuskan oleh Mahkamah Agung (pada masa itu) di dalam kes *Phua Hing Lai v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Ors* [1990] 1 MLJ 173 bahawa bila masa tidak dinyatakan, maka, s 38 Ordinan Tafsiran dan Klausa-Klausa Am 1948 atau s 54(2) Akta Tafsiran 1967 adalah terpakai. Ia memperuntukkan bahawa bila masa tidak dinyatakan untuk sesuatu tindakan itu dilakukan maka, ia dikehendaki dilakukan dengan secepat mungkin ('with all convenient speed'). Juga diputuskan oleh Mahkamah Agung bahawa sesiapa yang menyebabkan kelewatan itu dikehendaki menjelaskan kelewatan I

yang berlaku dan terpulanglah kepada mahkamah untuk memutuskan sama ada kelewatan itu munasabah dalam sesuatu keadaan itu.

[21] Walaupun kes *Phua Hing Lai* tersebut di atas merujuk kepada tafsiran s 3(i) dan (ii) Akta tersebut, tetapi ianya juga telah diterimapakai untuk tafsiran s 2(ii) seperti yang diputuskan di dalam kes *Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Liau Nyun Fui* [1991] 1 MLJ 350. Abdul Hamid Omar LP, yang memberikan penghakiman untuk Mahkamah Agung di dalam kes tersebut telah menyatakan seperti berikut:

> In light of the judgement in *Phua Hing Lai v Timbalan Hal Ehwal Dalam Negeri* [1990] 1 MLJ 173 the position in law seems to be that when no time frame is prescribed then anything that shall be done under s 2 (ii) shall be done with all convenient speed.

[22] Di dalam kes tersebut, Mahkamah Agung telah mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi yang memutuskan kelewatan pengeluaran perintah di bawah s 2(ii) selama lebih kurang 40 hari adalah tindakan yang tidak dibuat secepat mungkin dan seterusnya menyebabkan perintah tersebut menjadi tidak sah dan batal.

[23] Di dalam kes ini, Timbalan Menteri dalam afidavit jawapannya telah menyatakan mengapa beliau hanya dapat mengeluarkan perintah di bawah s 2(ii) dan 2A(i) Akta tersebut pada 11 April 2005 iaitu 43 hari selepas pemohon ditahan di Penjara Kepayan, Kota Kinabalu. Timbalan Menteri menyatakan seperti berikut:

(i) Saya harus melihat, meneliti maklumat-maklumat bertulis dan kes fail pemohon;

(ii) Saya harus memutuskan bahawa kegiatan-kegiatan pemohon tidak mendatangkan faedah kepada keamanan dan ketenteraman awam di sekitar Labuan, Sabah;

(iii) Saya harus menentukan sama ada untuk mengadakan inkuri atau tidak serta mengambilkira rayuan pemohon; dan

(iv) Saya harus menentukan terma-terma atau syarat-syarat di dalam perintah-perintah tersebut seperti tempat kediaman, tempoh kediaman dan lain-lain lagi.

[24] Persoalannya adakah penjelasan tersebut menunjukkan bahawa Timbalan Menteri telah bertindak dengan seberapa cepat mungkin. Dengan hormatnya saya tidak dapat menyatakan bahawa Timbalan Menteri telah bertindak dengan seberapa cepat mungkin.

[25] Pada saya, alasan-alasan yang diberikan adalah longgar dan terlalu am. Tidak dijelaskan secara terperinci mengapa perintah tersebut hanya dapat dikeluarkan selepas 43 hari. Saya tidak nampak mengapa 43 hari diperlukan walhal seperti yang diakui oleh Timbalan Menteri bahawa di dalam kes ini, inkuri tidak diadakan sebelum perintah sekatan dikeluarkan.

[26] Perlu diingatkan di dalam kes seperti ini di mana tindakan adalah di bawah undang-undang pencegahan dan seseorang itu diambil tindakan tanpa melalui proses undang-undang yang biasa, akan mustahaknya untuk pihak-pihak yang berwajib tidak melengahkan sesuatu tindakan kerana ia melibatkan hak kebebasan individu

yang adalah dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan. Seseorang itu tidak seharusnya ditahan melebihi masa yang diperlukan. Jika masa yang lebih diperlukan, pihak-pihak yang berwajib perlu memberi alasan dan sebab-sebab yang munasabah dan terperinci.

[27] Di dalam kes ini, masa yang diambil adalah 43 hari dan pada saya, alasan-alasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri mengenai kelengahan tersebut adalah terlalu am dan dengan itu gagal menjadikannya sebagai alasan-alasan yang munasabah.

[28] Kesimpulannya, atas alasan-alasan di atas, saya berpendapat bahawa kesahan perintah yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri di bawah s 2(ii) dan 2A(i) Akta tersebut tidak dapat dipertahankan. Saya dengan ini mengisytiharkan perintah tersebut sebagai tidak sah dan dengan itu sekatan pemohon di Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman untuk tempoh tiga tahun adalah batal dan tidak berkuatkuasa. Adalah juga diperintahkan bahawa responden-responden untuk menanggung kos permohonan ini.

Permohonan dibenarkan.

Reported by Loo Lai Mee